

Azrul Azlan Abdul Rahman, Mohamad Nasrin Mohamad Nasir, Mohd Ali Zureen Jamaluddin (2017). Konflik Air Di Wilayah Kashmir Antara India Dan Pakistan Berdasarkan Perspektif Geo-Ekonomi. *Ideology*, 2(2) : 137-153, 2017

## Konflik Air Di Wilayah Kashmir Antara India Dan Pakistan Berdasarkan Perspektif Geo-Ekonomi

Azrul Azlan Abdul Rahman<sup>1</sup>, Mohamad Nasrin Mohamad Nasir<sup>2</sup>, Mohd Ali Zureen Jamaluddin<sup>3</sup>

<sup>1,2</sup> Institute Of The Malay World And Civilisation (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>3</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

[azrulazlan89@yahoo.com.my](mailto:azrulazlan89@yahoo.com.my)

### Abstrak.

Kekurangan air adalah satu masalah yang besar kepada banyak negara di dunia, terutamanya di Negara yang sedang membangun. Konflik air India-Pakistan adalah contoh konflik yang timbul daripada perjuangan dari sumber yang terhad. Berkembang kekurangan sumber air, meningkatkan penduduk dan pengurusan yang lemah sumber air di India dan Pakistan telah menyebabkan peningkatan permintaan bagi sumber air. Kekurangan air bertambah yang membawa kepada keinginan untuk mengawal sumber air, yang seterusnya menjadi suatu alasan bagi konflik air. Berdasarkan sumber sekunder, kertas kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana faktor Geo-Ekonomi mendorong kepada konflik yang lebih luas terutamanya di wilayah Kashmir yang hingga kini menjadi rebutan kedua-dua buah Negara. Justeru, bagi mendalami kefahaman mengenai perkara pokok kajian ini, beberapa aspek turut dibincangkan seperti Konsep Geo-Ekonomi dan Latar Belakang Konflik Kashmir serta analisis dari sudut Geo-ekonomi berkenaan dengan konflik air di Kashmir. Kertas kajian ini mendapati bahawa India dan Pakistan perlu sedar, bahwasanya apabila mereka berkeinginan untuk memajukan atau memanfaatkan sumber air di wilayah Kashmir, mereka perlu bekerjasama. Sebarang konflik yang berlarutan berlaku akan menyebabkan kedua-dua negara tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya keperluan dan kepentingan sumber air di wilayah tersebut.

Kata kunci : India, Pakistan, Kashmir, Krisis Air, Geo-ekonomi

## PENDAHALUAN

Kashmir merupakan sebuah wilayah kecil terletak di Barat Laut Benua kecil India yang sudah sedia diapit oleh bukan sahaja negara Pakistan dan India malahan, negara China. Kashmir merujuk kepada lembah yang terletak antara banjaran Himalaya dan Banjaran Pir Panjal di kawasan paling utara negara India. Lembah ini berasal dari sebuah lembah air. Perkataan “*Ka*” membawa maksud air, manakala bagi perkataan “*Shimir*” pula ia membawa maksud yang dikeringkan. Maka, secara ringkas dan padat Kashmir bolehlah wilayah yang dierangkan sebagai “lembah yang dikeringkan airnya”. (Moced Yussof 2007) Terdapat juga pendapat, para sarjana lain yang menyatakan bahawasanya, lembah atau wilayah Kashmir ini berasal daripada Tasik Satisar yang telah dikeringkan airnya. Pada masa kini, wilayah Kashmir telah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- Jammu dan Kashmir yang ditadbir oleh India, meliputi lembah Kashmir serta Jammu dan Ladakh
- Kawasan-kawasan Utara (*Northern Areas*) dan Azad Kashmir yang ditadbir oleh Pakistan dan,
- Rantau Aksai Chin serta laluan Trans-Karakoram yang ditadbir oleh China.

Peta 1: Wilayah Kashmir yang telah dibahagikan kepada tiga buah negara



Sumber: Moced Yussof. "Exploring the Potential for Economic Development and Cross-Loc Collaboration in Jammu Kashmir", Pugwash Issue Brief: Cardinal Press. Federiskburg, Virginia. 2007. Hlm 3.

Walaupun, kawasan-kawasan di wilayah Kashmir telah dikuasai oleh tiga buah negara iaitu India, Pakistan dan China. Tetapi India mahu pun Pakistan tidak pernah mengiktiraf pemilikan antara satu sama lain ke atas kawasan yang menjadi pertikaian. India mendakwa kawasan-kawasan, termasuk kawasan yang diserahkan oleh Pakistan kepada China iaitu laluan Trans-Karakoram pada tahun 1963, adalah sebahagian daripada wilayahnya. Manakala Pakistan pula menuntut keseluruhan kawasan Kashmir kecuali, Aksai Chin dan laluan Trans-Karakoram (Finsa Arrahman 2012). Wilayah Kashmir merupakan wilayah yang majoritinya penduduk yang beragama Islam. Golongan minoriti wilayah Kashmir pula menganut agama Hindu, Sikh dan Buddha. Keadaan ini berbeza pula di wilayah Jammu dan Ladakh Kashmir yang majoritinya adalah penganut agama Hindu dan Buddha (Joshi 2003). Kashmir merupakan satu wilayah yang memiliki geografi yang cukup strategik sehingga menimbulkan konflik di antara negara India dan Pakistan. Bagi Pakistan wilayah Kashmir merupakan wilayah yang penting bagi sumber ekonomi dan nadi kehidupan bagi rakyat Pakistan. Sistem ekonomi dan kemakmuran Pakistan terutamanya di kawasan barat bergantung kepada sungai-sungai yang berhulu di Kashmir seperti Sungai Indus, Jhelem dan Chenab. Ketiga-tiga sungai ini mengalir ke Pakistan dari wilayah Kashmir, ditambah pula dengan sungai Sutley dan Ravi yang berhulu di India. Jika sumber air di wilayah Jammu-Kashmir misalnya tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh negara Pakistan. Maka, 19 juta ekar tanah pertanian di barat Pakistan yang bergantung kepada sungai-sungai ini akan terancam ini kerana "*The economic life of Pakistan depended upon the control of these Rivers*" dan wilayah Kashmir merupakan *Heartland Advantage* bagi Pakistan ( Institute for Defence Studies and Analyses 2011).

Pelbagai punca telah dianalisis untuk mendalami konflik yang berlaku di antara India dan Pakistan di wilayah Kashmir. Antara salah satu punca utama konflik berlaku di wilayah Kashmir adalah disebabkan konflik air. Maka, penulisan makalah ini akan melihat konflik air di wilayah Kashmir antara India dan Pakistan berdasarkan perspektif geo-ekonomi. Makalah ini tidak akan menyentuh peranan negara China dalam isu ini. Ini kerana makalah ini akan hanya memberi perhatian

bagaimana konflik air antara India dan Pakistan mengeruhkan lagi keadaan di wilayah Kashmir yang telah tersedia konflik yang berlaku sejak empat dasawarsa lagi.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Persoalan atau objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji sumber air yang terdapat di wilayah Kashmir telah mewujudkan konflik perebutan sumber air antara negara India dan Pakistan. Persoalan atau objektif kajian ini juga, akan menjurus kepada bagaimana konflik air yang berlaku antara negara India dan Pakistan dilihat atau dipandang dari kaca perspektif geo-ekonomi yang merupakan terminologi atau konsep baru yang diperkenal era pasca Perang Dingin.

## **KONSEP GEO-EKONOMI**

New World Order pada hakikatnya disusun mengikut dua terminologi, iaitu yang pertama adalah dari segi geopolitik dan yang kedua adalah dari segi geoekonomi. Perspektif atau fahaman mengenai terminologi geoekonomi merupakan salah satu kajian baru yang berhubungan rapat dengan geopolitik, dan ia boleh difahami dengan dua cara iaitu,

- Sebagai hubungan antara ekonomi dan dasar
- Dan kedua, perubahan pada kuasa negara dan geopolitik

Dalam lain perkataan, “*The geopolitical consequences of economic phenomenon, or, as the economic consequences of political trends and national power*”<sup>16</sup> (Finsa Arrahman 2012). Kajian mengenai geoekonomi juga melibatkan ruang dan peluang ekonomi, dunia, dan politik ekonomi serta sumber-sumber ekonomi. Fenomena geoekonomi ini boleh dilihat melalui keruntuhan Soviet Union semasa penghujung Perang Dingin, kebangkitan Jepun sebagai kuasa ekonomi selepas Perang Dunia Kedua, dan pengukuhan status China sebagai kuasa ekonomi selepas krisis kewangan yang berlaku di rantau Asia pada tahun 1997-1998. Fenomena geoekonomi ini juga pada dasarnya mempunyai empat sumber kekuasaan geoekonomi, salah satunya adalah penguasaan sumber di mana negara

yang mempunyai akses terjamin kepada sumber asli mempunyai kelebihan berbanding negara lain yang terpaksa mengimport bahan mentah asas seperti sumber tenaga dan makanan.

Terminologi mengenai geoekonomi telah diperkenalkan oleh Edward Luttwak (1990) melalui penulisannya yang bertajuk *“From Geopolitics to Geo-economics: Logic of Conflict, Grammar of Commerce”*. Di dalam kajian Edward Luttwak, ia berfahaman bahawasanya geoekonomi merupakan satu bidang kajian baru geopolitik dengan fahaman *“The Sphere of Capital”*, di mana pencarian wilayah yang strategi perlu juga memenuhi kepentingan sesuatu negara dari segi ekonomi (tanah subur, dan sumber-sumber asli) yang boleh dikomersialkan sehingga muncul kolonisasi ekonomi. Edward Luttwak juga menyatakan bahawasanya,

*“Traditional principles of world politics make it change with everyone, it appears, now agrees that the methods of commerce are displacing military methods-with disposable capital in lieu of firepower, civilian innovation in lieu of military-technical advancement, and market penetration in lieu of garrisons and bases. States, as spatial entities structured to jealously delimit their own territories, will not disappears but reorient themselves towards geo-economics in order to compensate for their decaying geopolitical roles. . . geo-economics is the best term I can think of to describe the admixture of the logic of conflict with the methods of commerce”* (Sanjaya Baru 2010).

Meninjau kembali konflik dan ketegangan yang berlaku di wilayah Kashmir, ia adalah berkait rapat dengan terminologi geoekonomi. Umum mengetahui bahawasanya, ketegangan dua negara iaitu Pakistan dan India adalah berutamakan sumber ekonomi dan peluang ekonomi yang terdapat di wilayah Kashmir. Walaupun, India dilihat tidak memandang faktor ekonomi menjadi penarik utama untuk negara tersebut mempertahankan wilayah Kashmir yang dikuasainya, tetapi sejak kebelakangan ini sikap India berubah apabila mula merasai kepentingan ekonomi Kashmir terhadap kepentingan India sendiri.

Di wilayah Kashmir yang dikuasai India, banyak menyediakan sumber air, sumber hutan dan sebagainya yang memberi kelebihan mana-mana negara sekiranya wilayah tersebut dikuasai sepenuhnya. Hal ini, membuatkan kita perlu menerima hakikat Pakistan cuba mengambil pelbagai tindakan yang menaikkan kemarahan India bagi menguasai wilayah Kashmir yang dikuasai India.

Maka para sarjana melihat bahawasanya konflik air di antara kedua-dua negara menjadi perhatian berlakunya konflik di wilayah Kashmir. Ini kerana, faktor pengeluaran keperluan air semakin memberi tekanan kepada kedua-dua negara sebagai contoh, kehabisan sumber air bawah tanah, dan ledakan pertambahan penduduk di negara Pakistan. Manakala di India pula, peningkatan keperluan air untuk menyokong perkembangan industri seperti hidroelektrik telah menjadikan sumber air di Kashmir bertambah penting untuk pembangunan ekonomi dan kelangsungan nasional negara mereka (Sanjaya Baru 2010).

## LATAR BELAKANG KONFLIK KASHMIR

Konflik Kashmir merupakan salah satu konflik yang tiada penghujungnya. Kemelut yang melanda wilayah Kashmir sehingga hari ini secara amnya, bermula ketika proses kemerdekaan membabitkan negara India dan Pakistan. Di dalam proses kemerdekaan tersebut kerajaan British telah membentuk satu akta yang dikenali sebagai "*Akta Kemerdekaan India 1947*", yang menetapkan bahawasanya India dipecahkan kepada dua buah negara yang merdeka iaitu India dan Pakistan. Akta yang diluluskan oleh kerajaan British pada Julai 1947 ini ditentang hebat oleh tokoh pemimpin India iaitu Mahatma Gandhi yang berpandangan, pembahagian tersebut akan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap hubungan kedua-dua negara (Pakistan dan India) ( Adam Radin 2010).

Penelitian Mahatma Gandhi telah mempunyai asas yang kukuh, ini dibuktikan dengan kesan pembahagian negara Pakistan dan India jelas kelihatan dalam konflik yang berlaku di Kashmir di antara kedua-dua negara tersebut. Pada 27 Oktober 1947, India telah menghantar tenteranya untuk menduduki wilayah Kashmir yang pada ketika itu belum memutuskan untuk menjadi sebahagian daripada India atau pun Pakistan (Schofield 2003). Tindakan itu nyata bertentangan dengan kenyataan Mahatma Gandhi yang mahu menghormati hak penduduk wilayah Kashmir untuk menentukan masa depan mereka. Sehingga hari ini, beberapa siri perperangan telah berlaku di antara India, dan Pakistan yang akhirnya Kashmir telah dibahagikan kepada tiga wilayah utama yang berasingan serta ditadbir oleh tiga pentadbir yang berbeza iaitu India, Pakistan dan China.( Chari 2007)

Semasa kemerdekaan diberikan kepada India dan Pakistan oleh kerajaan British. Wilayah Jammu-Kashmir telah diberi kebebasan untuk berintegrasi dengan negara India, Pakistan atau berdiri sendiri. Pada 15 Ogos 1947, penduduk di wilayah Jammu-Kashmir membuat keputusan untuk berkerajaan sendiri tanpa berintegrasi dengan mana-mana negara. Keputusan yang dibuat oleh rakyat wilayah Jammu-Kashmir ini seterusnya mendatangkan kesan yang buruk apabila berlaku rusuhan di wilayah Jammu-Kashmir. Situasi ini memberi kesempatan kepada negara Pakistan dan India untuk campur tangan dalam rusuhan yang berlaku di wilayah Jammu-Kashmir sehingga mewujudkan ‘*Indo-Pakistani War*’. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah melibatkan diri dalam menyelesaikan isu ini, hasilnya PBB telah mengeluarkan ‘*Resolusi 122*’, yang menyatakan bahawasanya penduduk Kashmir harus diberi kebebasan sepenuhnya dalam menentukan hala tuju masa depan mereka sendiri

*“The final disposition of the state of Jammu and Kashmir will be made in accordance with the will of the people expressed through the democratic method of a free and impartial plebiscite conducted under the auspices of the United Nations”*  
(Dhurorudin Mashad 2006).

Sebagai pelengkap kepada Resolusi PBB yang dikeluarkan pada tahun 1948 dan 1949, India menyatakan bahawa pendudukannya di Kashmir hanya untuk menstabilkan kawasan dan apabila keadaan kembali stabil, referendum penentuan hak wilayah Kashmir akan segera dilaksanakan. Namun pada hakikatnya, hal ini tidak terlaksana, keadaan inilah yang menjadi antara pemicu utama berlakunya konflik Kashmir.. Pada 21 November 1947, Perdana Menteri India Jawaharlal Nehru dengan tegas menyatakan,

*“I have repeatedly stated that as soon as the raiders have been driven out of Kasimiror have withdrawn, and peace and order have been established, the people of Kashmir should decide the questions of accession by plebiscite or referendum under international auspices such as those of the United Nations”* (Ita Mutiara Dewi 2006).

Sir Frederic Bennet dalam tulisannya yang berjudul “*Excerpts from Kashmir Today*” telah mengeluarkan beberapa alasan kepada kegagalan resolusi yang dikeluarkan oleh PBB untuk menyelesaikan konflik Kashmir. Alasannya adalah,

- Faktor kepentingan nasional berbagai kuasa-kuasa besar seperti negara anggota tetap Dewan Keamanan PBB menjadi tunjang utama kegagalan Resolusi yang dikeluarkan oleh PBB. Kepentingan nasional ini meliputi kepentingan ekonomi dan strategi (Ita Mutiara Dewi 2006).
- British atau Inggeris sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap Kashmir mempunyai kepentingan yang lebih besar terhadap negara India berbanding negara Pakistan(Ita Mutiara Dewi 2006).

Wilayah Kashmir merupakan wilayah yang majoritinya adalah penduduk yang beragama Islam. Golongan minoriti wilayah Kashmir menganut agama Hindu, Sikh dan Buddha, berbeza pula di wilayah Jammu dan Ladakh Kashmir yang majoritinya adalah pengikut agama Hindu dan Buddha (Joshi 2003).

Bagi India, wilayah Kashmir merupakan keperluan bagi strategi pertahanan negara mereka. Ini kerana Kashmir merupakan suatu wilayah perbatasan yang berdampingan dengan bangsa-bangsa besar seperti negara China dan sebagainya. Dalam merebut dan menguasai wilayah Kashmir, negara India dan Pakistan telah menghadapi tiga peperangan yang besar.

- Perang pertama yang terjadi adalah pada tahun 1947, dimana Pakistan cuba menuntut 1/3 wilayah Kashmir dengan menghalau penduduk yang beragama Hindu dan Sikhs. Kemudian India mengambil tindakan dengan mengirim pasukan tenteranya ke kawasan Gurdaspur (Ganguly 1998).
- Perang India-Pakistan 1965- Pasukan tentera Pakistan cuba memasuki kawasan wilayah Kashmir India untuk memberi sokongan kepada pemberontak Kashmir di sana. Tetapi cubaan ini gagal dan kerajaan India sendiri berjaya menangkap anggota tentera Pakistan. Perang ini diakhiri dengan gencatan senjata, dan India dapat menguasai sebahagian wilayah Kashmir Pakistan (Ganguly 1998).
- Perang India-Pakistan 1999- Perang ini juga dikenali sebagai “*Perang Kargil*” di mana Pakistan dan beberapa pemberontak Kashmir merebut

pos tentera India. Tetapi Pakistan tidak Berjaya malahan India Berjaya mendapatkan wilayah Kargil (Gangluy 1998).


Dalam makalah ini, kita akan dapat melihat punca utama konflik perebutan wilayah Kashmir antara India dan Pakistan adalah disebabkan ingin menguasai sumber air. Di wilayah *India over Kashmir* telah mempunyai lima sumber air yang boleh dikatakan menjadi nadi ekonomi kedua-dua negara iaitu Saltuj, Beas, Chenab, Ravi, dan Jhelum. Sungai Indus juga menjadi konflik di antara India, dan Pakistan yang mengalir dari wilayah Tibet melewati wilayah India over Kashmir kemudiaannya mengalir ke Pakistan. India mahupun Pakistan sangat berminat untuk mengeksloitasi sumber air di wilayah Kashmir, akibatnya sering muncul konflik diantara kedua-dua negara berkaitan dengan sumber air. Bagi Pakistan sumber air yang terdapat di wilayah *India over Kashmir* merupakan kehidupan bagi rakyat Pakistan atau "*The Jugular Vein of Pakistan*". Hal Ini kerana, jumlah simpanan air negara Pakistan perlu seimbang dengan krisis ledakan penduduk Pakistan, semakin banyak berlakunya pertambahan penduduk di Pakistan, semakin banyak simpanan air diperlukan. Krisis ledakan penduduk Pakistan berlaku sejak dari tahun 1989 lagi. Keadaan ini telah melabelkan Pakistan sebagai antara negara yang mempunyai penduduk paling padat dan pertumbuhan penduduk paling tinggi di dunia (Blood 1995).

Tambahan pula, Kashmir bukan sahaja kaya dengan sumber air, malahan wilayah Kashmir telah menyediakan sumber hutan dan sebagainya sehingga Pakistan beranggapan wilayah Kashmir mampu mendukung keadaan domestik yang berlaku di negara mereka seperti pengembangan sektor industri, pertanian dan juga peternakan (Raina 2002). Kemampuan Pakistan dalam mengawal simpanan air juga adalah terhad kerana penguasaan India terhadap wilayah sumber air Kashmir, India mampu mengurangi jumlah debit air dengan menutup aliran air, India juga mampu membangunkan projek-projek empangan yang dapat merosakkan ekosistem di sepanjang sungai yang mengalir ke Pakistan (Rashid 2003).

Bagi India pula, wilayah Kashmir yang dikuasai oleh India adalah amat penting untuk dipertahankan. India sudah terlalu rawan apabila China dapat menguasai sebahagian wilayah Kashmir, sekiranya India tidak dapat mempertahankan wilayah Kashmir yang ditadbirnya sekarang, ia sudah pasti memberi masalah besar

kepada India (Jones 2006). Tambahan pula India sedang mengalami konflik air dengan China di sungai Indus, situasi ini menyebabkan India mencari alternatif lain untuk menjaga kepentingan mereka. India sedar kepentingan sungai yang mengalir di wilayah Kashmir yang dikuasainya. Sebagai contoh, pembangunan hidroelektrik di sepanjang sungai Chenab berpotensi untuk menghasilkan sumber daya energi paling tinggi mencapai 10.360 MWs, sungai Indus pula sebesar 2060MWs, Jhelum 3560 MWs dan Ravi sebesar 500 MWs. Punca inilah yang secara realiti menjadi konflik di antara bukan sahaja India dan Pakistan,( Finsa Arrahman 2012) seperti yang terdapat dalam rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Potensi *Hydroelectric* di Wilayah *India over Kashmir*



Sumber: Government of Jammu & Kashmir, 2011.

Potensi pembangunan sumber tenaga hidroelektrik ini bukan sahaja dapat memenuhi keperluan tenaga di negara India, malahan ia juga sebenarnya memberi kepentingan kepada negara Pakistan sehingga menimbulkan konflik.

## ANALISIS

Kashmir telah menjadi wilayah sengketa antara Pakistan dan India sejak sekian lama. Dua dari tiga perang besar yang pertama antara Pakistan dan India terjadi di wilayah Kashmir pada tahun 1947 dan 1965. Konflik yang berlaku di wilayah Kashmir ini kemudiaannya telah mengeluarkan resolusi mengenai batas

wilayah Kashmir yang mewujudkan *Cease Fire Line* (CFL) pada Jun 1949 yang kemudiannya berkembang menjadi *Line of Control* (LOC). Pada dasarnya garis batasan tersebut membahagikan dua wilayah Kashmir yakni *Pakistan over Kashmir* dan *India over Kashmir*. Konflik dan ketegangan antara kedua-dua negara ini seringkali terjadi di sepanjang garis perbatasan *Line of Control*. Namun perdamaian mula dirasai rakyat Kashmir sejak dari tahun 1982. (Kreisberg 1999)

Di masa berakhirnya Perang Dingin, ketegangan semakin meningkat di wilayah Kashmir. Peristiwa penculikan Rubaiya Sayeed, anak kepada menteri dalam negeri India Mufti Mohammad Sayeed di era pemerintahan V.P Singh Disember 1989, menjadi simbol mulanya dan wujudnya gerakan pemberontakan. Penculikan ini dilakukan oleh kumpulan pemberontak *Jammu and Kashmir Liberation Front* (JKLF) yang menuntut kemerdekaan wilayah Kashmir. Memasuki tahun 1990, ketegangan di wilayah Kashmir menjadi lebih tinggi dari tahun-tahun sebelumnya. Muncul beberapa kelompok pemberontak diantaranya adalah *Al Barq*, *Al Fateh*, *Shabir Shah's people league*, *Al Jehad*, dan *Hizb-ul Mujahideen* di wilayah Kashmir.

Pada asasnya, kelompok-kelompok tersebut memiliki tujuan yang sama yakni ingin lepas dari pemerintahan India. Namun, wujud juga perbezaan tujuan utama kumpulan pemberontak ini melakukan huru-hara, beberapa diantaranya seperti JKLF menyatakan mewakili keinginan rakyat Kashmir untuk membentuk negara merdeka. Sementara yang lain seperti *Hizb-ul Mujahideen* menyatakan keinginan rakyat Kashmir bergabung dengan Pakistan. Tindakan kekerasan seperti pembunuhan, pengeboman, serangan terhadap bangunan kerajaan atau pemerintah, penculikan serta kejahanan lain mencetuskan kembali konfrontasi antara Pakistan dan India di wilayah Kashmir yang selama beberapa tahun reda (Gangluy 1998).

Pada dasarnya, Sejak dari zaman dahulu lagi wilayah Kashmir amat penting dari aspek geoekonomi dan perdagangan antarabangsa. Keadaan ini dapat dibuktikan dengan wujudnya laluan sutera atau “*Grand Silk Road*” yang menghubungkan benua kecil India kepada Asia Tengah sejak abad ketiga sebelum masehi sehingga awal 1940-an. Laluan utama dalam rangkaian jalan perdagangan ini telah melibatkan Jammu-Kashmir, Azad- Kashmir ke Tibet dan seterusnya ke Karakoram, Xinjiang dan berakhir di Asia Tengah. Laluan ini juga merupakan medium interaksi utama peradaban dan agama yang memberikan peluang ekonomi juga pekerjaan kepada berjuta-juta penduduk. Selain itu juga, Sungai

Indus yang menjadi nadi kehidupan penduduk yang berdekatan juga mengalir melalui wilayah Kashmir. Sistem pengairan antara yang terpanjang di dunia di Sungai Indus telah dibangunkan pada zaman Kolonial British untuk mengairi kawasan pertanian menjadikan

wilayah ini dipersepsikan penting bagi mana-mana negara yang menguasainya (Adam Radin 2010). Pelbagai punca telah dianalisis untuk mendalamai konflik yang berlaku di antara India dan Pakistan di wilayah Kashmir. Antara salah satu punca utama konflik berlaku di wilayah Kashmir adalah disebabkan konflik air. Maka, penulisan makalah ini akan cuba melihat konflik air di wilayah Kashmir antara India dan Pakistan berdasarkan perspektif geo-ekonomi.

Sebelum keluarnya *Akta Kemerdekaan* melalui parlimen British pada tahun 1947, telah berlakunya keganasan kaum dan huru-hara di wilayah India. Pada tahun 1947, *Akta Kemerdekaan* ini telah mengakibatkan India berpecah kepada dua iaitu Pakistan dan India, yang bertujuan bagi menyelesaikan keganasan kaum yang berlaku di wilayah India pada masa itu. Walau bagaimanapun, pemecahan wilayah India kepada dua negara ini telah dibayangi masalah yang berkaitan dengan persempadanan antarabangsa mereka. Keadaan ini dapat dilihat dengan penyertaan wilayah Jammu-Kashmir yang sebelum ini diperintah oleh golongan bangsawan serta keputusan tentang sistem sungai kompleks mereka ke dalam konflik India dan Pakistan sehingga sekarang. Terutamanya, sungai Indus yang menjadi lambang atau simbol beribu-ribu kilometer pengairan buatan manusia terbukti merumitkan keadaan. Ini telah menyebabkan Pakistan terputus dari sumber air dan glasier di pergunungan Kashmir yang kini dikuasai India. Kesan pertama pemisahan ini dapat dilihat apabila pada tahun 1948, India telah bertindak memutuskan bekalan air di terusan sungai Indus semasa musim panas yang telah menyebabkan sektor pertanian dan keperluan isi rumah di Pakistan terjejas. (Adam Radin 2010).

Seperti yang kita ketahui, wilayah Kashmir merupakan wilayah yang kaya dengan sumber air. Aliran beberapa sungai yang terdapat di wilayah Kashmir memberi kelebihan kepada mana-mana negara yang dapat menguasai sepenuhnya wilayah Kashmir ini. Bagi Pakistan sekiranya wilayah *India over Kashmir* dapat dikuasai oleh mereka ia akan dapat membantu pembangunan ekonomi pertanian, membekalkan sumber daya hutan dan sebagainya (Institute for Defence Studies and Analyses 2011). Malahan Pakistan juga dilihat agak rawan dengan kepadatan penduduknya

yang semakin meningkat dengan sumber bekalan air yang berkurangan. Maka dengan sebab itu, sekiranya Pakistan dapat menguasai aliran beberapa sungai di kawasan wilayah *India over Kashmir*, sudah pasti ia akan menjadi *Heartland Advantage* kepada Pakistan.

Bagi India pula, ia sama sekali tidak mahu kehilangan wilayah yang dikuasainya sejak sekian lama secara percuma, lepasnya wilayah Kashmir bermakna India akan kerugian *Marchland Advantage* dan India juga seperti Pakistan mahu menguasai sungai-sungai yang berada di wilayah Kashmir. Ini kerana, bagi India amat penting mereka menguasai sungai yang terdapat di wilayah Kashmir, mereka boleh mendirikan empangan untuk menghasilkan tenaga hidroelektrik yang memberi kelebihan kepada pembangunan ekonomi mereka(Finsa Arrahman 2012). Sejarah dan konflik telah membuktikan bahwasanya perebutan sumber air antara punca munculnya konflik Kashmir di antara India dan Pakistan (Seema Sridhar 2004).Walaupun, dari segi perlaksanaan strategi untuk menguntungkan kedua-dua negara antara salah satunya adalah membuat perjanjian perkongsian air di wilayah Kashmir sejak zaman British lagi sehingga sekarang seperti *The Indus Water Treaty*. Tetapi ia sebenarnya, tidak memadai untuk mengurangkan bahang konflik antara kedua-dua negara.

Sebelum wujudnya ‘*The Indus Water Treaty pada tahun 1960*’, telah ada beberapa perjanjian yang mengharuskan perkongsian sumber air di wilayah Kashmir antara kedua-dua negara. Sebagai contoh, “*Standstill Agreement*” sebelum tahun 1947 dan, pada tahun 1948 telah ada perjanjian yang mewajibkan Pakistan membayar segala kos dan penyelenggaraan pembekalan air dari India (kawasan Kashmir yang dikuasai India) tetapi, perjanjian-perjanjian ini menimbulkan masalah ekoran daripada konflik di wilayah Kashmir pada masa itu (Time Magazine 2005).India dan Pakistan seharusnya memerlukan perjanjian mengenai perkongsian air bagi kepentingan dan kelangsungan nasional mereka. Maka, tidak hairanlah pada tahun 1960 IWT telah ditandatangani oleh Pakistan, India dan Bank Dunia di Kuala Lumpur. Di dalam IWT telah menyatakan,

*“The IWT brokered by the World Bank (WB) provided for the division of the rivers between India and Pakistan. The eastern rivers- Sutlej, Beas, and Ravi were allocated to India. The western Rivers- Jhelum, Chenab and Indus were allotted to Pakistan*

*(barring their use by India under specified conditions in Jammu and Kashmir), with limited consumptive rights over these to India”* (Seema Sridhar 2004).

IWT dianggap penyelesaian yang komprehensif dalam menghadapi konflik air antara India dan Pakistan. Di bawah IWT, India boleh melaksanakan projek-projek di kawasan barat untuk pemeliharaan umum, kawalan banjir, pengairan dan penjanaan kuasa hidro dan keadaan seperti ini sebenarnya perlu dimaklumkan kepada Pakistan. Di dalam IWT juga telah menganjurkan bagaimana menyelesaikan sesuatu isu yang melibatkan air antara Pakistan dan India,

*“Objection would render it a matter of dispute to be settled either by negotiations or by neutral expert, or by arbitration. Three members, one from India, one from Pakistan and the third member by mutual agreement or an International Court of Justice appoitee in lieu would be the the arbitiators, any unresolved ‘question’ between the two parties through the permanent Indus Commission becomes a ‘diffrence’ to be referred to a neutral expert, who is appointed by the two countries, and failing that, the World Bank. If the neutral expert’s recommendations are unacceptable to either of the parties, the matter would be treated as a dispute and it would be referred to a Court of Arbitration established by the World bank, along with other institutions such as the secretary general of the United Nations (Seema Sridhar 2004).*

Walaupun idea perjanjian yang dijana oleh Bank Dunia ini di atas kertas nampak komprehensif dalam menyelesaikan pertikaian air antara India dan Pakistan di wilayah Kashmir, tetapi dari segi realitinya idea yang terdapat di dalam perjanjian tersebut mula menjadikan dan menampakkan kelemahan bagi perjanjian tersebut. Sebagai contoh, Pakistan menganggap perjanjian ini adalah perjanjian yang berat sebelah kepada India. Ini kerana India seakan-akan melepaskan dan konsumtif sungai-sungai dari barat demi kepentingan mereka. Pakistan juga telah mempersoalkan 27 projek empangan yang dilaksanakan oleh India di wilayah Jammu-Kashmir. Bagi Pakistan, India telah melanggar kerohanian perjanjian yang telah mereka tandatangani, dan kerajaan India juga sedar bahwasanya sungai-sungai yang mengalir di wilayah *India over Kashmir* merupakan nadi kehidupan mereka (Pakistan). Maka India sengaja melakukan perkara-perkara yang tidak

menyenangkan sehingga terjadi beberapa siri konflik yang menjurus kepada sumber air, seperti *Siachen Glacier War* dan *Kargil Conflict*. ( Pacific Institute 2016) . Dalam IWT yang menjadi perdebatan dan percanggahan utama adalah projek-projek empangan hidro yang dilakuakn oleh India seperti *Baglihar Hydel Power Project* (BHP), *Tulbul Navigation Project* (TNP) dan *Kishenganga Project*. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa perjanjian atau “*The Indus Water Treaty*”(IWT) pada tahun 1960 tidak sama sekali akan berjaya sekiranya kedua-dua negara dilihat saling menjaga kepentingan mereka. IWT sudah menjana atau mewujudkan kerjasama antara kedua-dua pihak untuk memanfaatkan sepenuhnya sungai-sungai yang terdapat di wilayah Kashmir yang dikuasai mereka. Pakistan dilihat sangat beremosi dengan isu air di wilayah Kashmir. Ini kerana, sumber air yang terdapat di wilayah Kashmir merupakan nadi kehidupan dan pembangunan ekonomi mereka. Sekiranya tidak berlaku kerjasama di antara India dan Pakistan, kedua-dua negara akan menanggung kos penyelenggaraan air yang cukup tinggi dan membebankan, keadaan ini membolehkan peratusan konflik menjadi bertambah teruk. (Time Magazine 2005)

## KESIMPULAN

Jelas bahwasanya disini, landskap atau terminologi geo-ekonomi adalah sesuatu yang menjadi kepentingan berlakunya konflik Kashmir di antara India dan Pakistan. Di dalam landskap geo-ekonomi, ternyata dan jelas faktor perebutan sumber air telah memberi masalah dan beban kepada kedua-dua negara tersebut. Ini telah memungkinkan kedua-dua negara bekerjasama antara mereka untuk menyelesaikan perkara ini secara perdamaian. India dan Pakistan perlu sedar, bahwasanya apabila mereka berkeinginan untuk memajukan atau memanfaatkan sumber air di wilayah Kashmir, mereka perlu bekerjasama. Sebarang konflik yang berlarutan berlaku akan menyebabkan kedua-dua negara tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya keperluan dan kepentingan sumber air di wilayah tersebut. IWT telah diwujudkan untuk menjadi landasan dan dasar kepada kedua-dua negara untuk berbincang secara damai mengenai isu air. IWT juga, tidak akan berjaya sama sekali sekiranya kedua-dua negara atau salah satu negara hanya bersikap retorik terhadap perjanjian tersebut, keadaan ini akan menyebabkan

pembangunan di wilayah Kashmir akan terus tidak dapat dibangunkan sepenuhnya. Isu air merupakan isu yang harus ditangani secara berhemah, ini kerana dengan keadaan alam sekitar dan persekitaran air yang tidak menentu, membolehkan sebarang keputusan yang tidak memberi manfaat kepada isu air, akan menyebabkan kerugian, terutamanya kepada masyarakat di kawasan *Line of Control* (LoC).

## **RUJUKAN**

Adam Radin. 2010. “*The Security Implications of Water: Prospect for Instability or Cooperation in South and Central Asia*”, Naval Postgraduate School: Monterey, California. 2010.

Blood, Peter. 1995. “Pakistan a Country Study: Federal Research Division, Kessinger Publishing.

Chari, P.R., et al. 2007. “*Four Crises and a Peace Process: American Engagement in South Asia*”, Washington D.C.: Brookings Institution Press.

Dhurorudin Mashad. 2004. “*Kashmir: Derita yang Tidak Kunjung Usai*”, Jakarta: Khalifa.

Finsa Arrahman. 2012. “*Penggunaan Kekuatan Pakistan dan India Dalam Mempertahankan Wilayah Kashmir Pasca Perang Dingin*”, Alumnus Program Studi Ilmu Hubungan Internasional: Universiti Airlangga.

Ganguly, Rajat. 1998. “*India, Pakistan and The Kashmir Dispute*”, New Zealand: Victoria University of Wellington.

IDSA (Institute for Defence Studies and Analyses). 2011. “*Pakistan Occupied Kashmir: Changing the Discourse*”, New Delhi.

Ita Mutiara Dewi. 2006. "Dilema Masalah Kashmir Dalam Kerangka Hubungan India-Pakistan", MOZAIK Vol 1. No (1). 327-376

Jones, Rodney W. 2006. "*India's Strategic Culture*", SAIC.

Joshi, A.P. et al. 2003. "Religious Demography of India", Chennai: Centre for Policy Studies.

Kreisberg, Paul. 1999. "South Asia: Nuclear Geopolitic?" dalam *Strategic Assessment 1999: Priorities for a Turbulent World*, Washington D.C. National Defence University.

Moced Yussof. 2007. "Exploring the Potential for Economic Development and Cross-Loc Collaboration in Jammu Kashmir", Pugwash Issue Brief: Cardinal Press. Federiskburg, Virginia.

Pacific Institute. 6 Mei 2013. "Water Conflict Chronology List", [www.worldwater.org/conflict/list/](http://www.worldwater.org/conflict/list/). Tarikh capaian: 6 Novermber 2016

Raina, A.N. 2002. "Geography of Jammu & Kashmir state".

Rashid, U.H. 2003. "Possible India-Pakistan on Indus Water Sharing?", dalam The Daily Star Web Edition Vol.4 (80). 389-406.

Sanjaya Baru. 2010. "Introduction: Understanding Geo-economics and Strategy", IISS Geo-economic and Strategy Programme. 2010.

Schofield, Victoria. 2003. "Kashmir In Conflict India, Pakistan and the Unending War", London: I.B. Tauris.

Seema Sridhar. 2004. "Kashmir and Water: Conflict and Cooperation", School of International Studies: Jawaharlal Nehru University.

Time Magazine Online. 4 Mei 2005. "War at the Top of the World".